

Kebebasan akhbar di Malaysia

Bebas kritik

16 JUN 1990

atau sokong

Oleh JAILANI HARUN

PETAUNG JAYA, Jumaat — Kebebasan akhbar di Malaysia bukan bermakna hanya untuk men kritikan dan mengecam kerajaan, tetapi juga bebas menyokong kerajaan, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

“Beliau berkata, dakwaan bahawa akhbar yang menyokong kerajaan tidak diberi kebebasan bersuara, adalah anggapan salah kerana kebebasan juga diberi kepada akhbar yang sering mengecam dasar kerajaan.”

“Ada pendapat mengatakan, jika akhbar menyokong kerajaan, itu menunjukkan akhbar berkenaan tidak bebas.”

“Sebaliknya jika ia menentang kerajaan, ia dianggap bebas walaupun ia berbuat demikian kerana takut kepada pihak tertentu di luar kerajaan atau takut tidak popular dan akhbarnya tidak laris dijual.”

“Sebenarnya akhbar seperti ini juga tidak bebas,” katanya ketika berucap di majlis makan malam Kesatuan Kebangsaan Wartawan Malaysia (NUJ) di sini, malam ini.

TEKS UCAPAN PERDANA MENTERI DI MUKA 10

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kebebasan akhbar tidak memberi makna jika sering menyiarkan pembongkaran mengenai sesuatu perkara kerana dikongkong oleh matlamat politik sesuatu pihak yang menentang kerajaan.

Menurutnya, akhbar yang bersifat sedemikian biasanya dijejaskan oleh pemilik, pengarah, pengarang serta pihak yang sanggup menolak kebenaran bagi memelihara kemasyhuran dan kewangan mereka semata-mata.

Beliau berkata, oleh kerana di negara ini ada tiga atau empat akhbar yang tidak mengecam kerajaan secara melulu, ada pihak menuduh kerajaan tidak mendokong kebebasan akhbar.

Bagaimanapun, katanya, di Malaysia ada banyak akhbar yang anti-kerajaan dengan menyiarkan laporan yang memburukkan kerajaan.

“Akhbar ini juga melaporkan pembongkaran secara lantang. Tetapi akhbar sedemikian masih kekal. Adanya akhbar seperti ini di Malaysia pun tidak menghalang orang tertentu menuduh bahawa akhbar di Malaysia tidak bebas.”

“Pendek kata, jika negara Barat, buat apa pun tidak salah. Tetapi jika Malaysia dan negara membangun buat, semuanya salah,” katanya.

LIHAT MUKA 2

Kebebasan akhbar tidak wujud di mana-mana: PM

16 JUN 1990

● DARI MUKA 1

Perdana Menteri berkata, hakikatnya ialah kebebasan akhbar tidak wujud di mana-mana pun, baik di negara liberal demokrat atau di negara diktator.

“Di negara liberal demokrat, berita dan rencana dalam media massa dikuasai oleh orang tertentu yang berkuasa dalam media berkenaan. Mungkin orang itu ialah tuan punya, pengarang atau syarikat yang membeli ruang iklan.”

“Yang penting ialah mereka boleh menapis kebenaran dan membuat bentuk laporan yang mereka suka,” katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir juga berkata, ahli NUI adalah bebas, walaupun tidak semua mereka menyokong kerajaan dan kerajaan menerima hakikat itu.

Bagaimanapun, beliau menegaskan, wartawan

perlu mempunyai semangat patriotisme terhadap negara sendiri.

Katanya, golongan wartawan tidak seharusnya memburukkan negara dan bangsa sendiri hanya kerana mereka tidak menyokong kerajaan atau membenci seseorang pemimpin.

“Janganlah kita menjadi alat kepada akhbar asing. Janganlah kita sanggup membuat laporan yang tidak berasas hanya kerana akhbar asing tidak sukakan pembaharuan di negara di mana mereka tidak lagi menjadi tuan.”

“Janganlah kita sanggup menjual maruah bangsa dan negara kerana wang ringgit,” katanya.

Perdana Menteri seterusnya menyelar beberapa pihak yang masih terikut-ikut dengan cara orang lain sehingga

sanggup menerima apa saja yang diperkatakan oleh mereka.

“Mereka cuma menjadi burung tiang yang pandai berkata-kata, tetapi tidak mampu melahirkan buah fikiran sendiri.”

“Demikianlah terkongkongnya fikiran mereka sehingga apabila pihak asing mengesyorkan supaya Skim Keutamaan Khas (GSP) kita ditarik balik, mereka turut mendesak bersama,” katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir juga meminta golongan wartawan supaya berpegang kepada kebenaran dan mematuhi sekatan tertentu yang dikenakan terhadap mereka.

Menurutnya, sekatan itu bukan bertujuan menidakan kebebasan akhbar, tetapi untuk menjaga kepentingan negara.